

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEEMPAT
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KEEMPAT BELAS
26 NOVEMBER 2021**

PERKARA : 4(A)37

**SOALAN LISAN OLEH AHLI KAWASAN JAWI
YB. H'NG MOOI LYE**

37. Apakah tindakan Kerajaan Negeri sekiranya permohonan kedua EIA bagi projek tambakan tiga (3) pulau ditolak oleh JAS Malaysia?
- (a) Adakah Kerajaan Negeri harus menanggung segala kos yang telah dibelanjakan sekiranya projek tambakan Pulau Pinang Selatan tidak mendapat kelulusan?

**YB. ZAIRIL KHIR JOHARI
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

37. Lembaga Rayuan [di bawah Seksyen 36, Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 (Akta 127)] yang bersidang dari 6 hingga 8 September 2021 telah memutuskan bahawa Laporan Penilaian Kesan Kepada Alam Sekeliling (EIA) bagi projek "*The Proposed Reclamation and Dredging Works for Penang South Reclamation (PSR)*" yang telah diluluskan oleh Ketua Pengarah Kualiti Alam Sekeliling pada 25 Jun 2019 diketepikan. Keputusan ini adalah kerana kelulusan tersebut telah diberi

sebelum Rancangan Struktur Negeri Pulau Pinang 2030 digazetkan dan berkuatkuasa.

Jabatan Alam Sekitar (JAS) memaklumkan sekiranya Kerajaan Negeri berhasrat untuk meneruskan projek PSR ini, Laporan EIA yang baru dengan data terkini hendaklah dikemukakan untuk pertimbangan lanjut JAS.

Seperti yang telah diumumkan, Kerajaan Negeri akan mengemukakan semula Laporan EIA yang terkini untuk mendapatkan kelulusan yang baru. Pada masa yang sama, Kerajaan Negeri juga telah memohon semakan kehakiman terhadap keputusan Lembaga Rayuan JAS.

Memandangkan kelulusan terdahulu telah diketepikan atas sebab teknikal, Kerajaan Negeri yakin akan integriti Laporan EIA yang telah dikemukakan dahulu. Kini, laporan tersebut akan dikemaskini dengan data yang terbaru untuk memenuhi keperluan dan syarat-syarat yang ditetapkan oleh JAS. Oleh itu, Kerajaan Negeri bersama *Project Delivery Partner* (PDP) iaitu SRS Consortium berharap permohonan kelulusan untuk berjalan dengan lancar.

Di bawah “PDP *Master Agreement*” antara Kerajaan Negeri dan SRS Consortium (sebagai PDP) yang dimeterai pada Julai 2020, kerja-kerja mendapatkan semua kelulusan PSR termasuk laporan EIA, dipertanggungjawabkan di bawah SRS Consortium. Manakala, kos kajian dan kos projek tersebut akan ditanggung melalui model pembiayaan dengan penjualan hasil tanah tambakan PSR. Sekiranya projek tambakan PSR tidak mendapat kelulusan walaupun kesemua syarat dipenuhi dan laporan dikemukakan kepada pihak berwajib, pihak Kerajaan Negeri akan berbincang secara terperinci mengenai pembayaran balik kos-kos yang telah dibelanjakan oleh pihak SRS berdasarkan PDP *Master Agreement*. Waiiau bagaimanapun, Kerajaan Negeri yakin bahawa kelulusan bagi projek tambakan PSR ini akan diperolehi.